

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

NASKHAH CALON

(TEMA : BAHASA DAN KESUSASTERAAN)

Karya sastera semakin kurang diminati oleh generasi kini sedangkan karya tersebut membawa banyak faedah kepada pembaca.

Jelaskan.

NASKHAH PENTAKSIR

(TEMA : BAHASA DAN KESUSASTERAAN)

Karya sastera semakin kurang diminati oleh generasi kini sedangkan karya tersebut membawa banyak faedah kepada pembaca.

Jelaskan.

CADANGAN IDEA

Kebelakangan ini, masyarakat semakin meminggirkan karya sastera. Remaja tidak mengendahkan karya sastera tetapi sebaliknya asyik dengan pelbagai gajet. Karya sastera yang terdapat di pusat sumber sekolah dan kedai buku sepatutnya menjadi bahan bacaan remaja. Mereka sewajarnya menyedari bahawa banyak faedah yang diperoleh dengan membaca karya sastera.

Karya sastera boleh menimbulkan kesedaran kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang sering menerapkan unsur pengajaran dalam karya mereka. Dengan membaca karya-karya seperti ini, kita dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak.

Selain itu, remaja boleh memperluas kosa kata dan memperbaiki penggunaan bahasa dengan membaca karya sastera. Mereka akan menemukan pelbagai perkataan baharu dan ayat-ayat yang menarik daripada karya yang dibaca. Dengan cara ini, mereka dapat menghasilkan karangan yang lebih baik. Selain itu, mereka juga berupaya untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan apabila membaca karya sastera.

Pelbagai ilmu pengetahuan juga boleh ditemukan melalui karya sastera. Dengan memilih karya sastera yang bermutu, pelbagai maklumat dapat diperoleh. Sebagai contoh, pembaca mendapat maklumat tentang tempat-tempat baharu yang digambarkan dalam karya sastera. Oleh hal yang demikian, remaja tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung.

Membaca karya sastera merupakan suatu cara untuk mengisi masa senggang. Amalan ini lebih baik daripada menghabiskan masa terlalu lama dengan media sosial. Tambahan pula, remaja memerlukan tumpuan dan masa yang panjang untuk menghayati karya sastera. Oleh itu, remaja yang mendekati karya sastera terhindar daripada gejala negatif kerana masanya telah terisi dengan amalan membaca.